

Najib arah tingkatkan keselamatan

KUALA LUMPUR 12 Okt.- Datuk Seri Najib Tun Razak meminta bank-bank meningkatkan tahap keselamatan perkhidmatan perbankan Internet mereka bagi mengelakkan pengguna teraniaya.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, hanya melalui langkah itu sahaja mampu melindungi kepentingan pelanggan daripada terjejas,

"Ketika ini, terdapat pelbagai cara dan kaedah yang boleh digunakan oleh pihak bank untuk mempertingkatkan sistem keselamatan rangkaian Internet.

"Usaha ini perlu kerana ia boleh melindungi kepentingan pelanggan mereka (yang sering menggunakan khidmat perbankan Internet)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan majlis penyampaian sumbangan bungkusan Hari Raya Aidilfitri oleh penderma kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Auditorium Wisma Pertahanan, di sini hari ini.

Najib mengulas kenyataan seorang pakar komputer tempatan yang tidak mahu lagi menggunakan perbankan Internet kerana pernah ditipu ketika menggunakan perkhidmatan itu.

Pakar berkenaan mendakwa yang beliau pernah membuat urusan secara talian tetapi malangnya bank tidak menerima wang itu dan sejak kejadian tersebut segala urusan bank dilakukan di kaunter.

Pengakuan oleh pakar berkenaan adalah rentetan daripada kejayaan polis menangkap empat pelajar Universiti dan Sembilan yang lain kelmarin kerana mencipta laman web palsu bank-bank tempatan untuk mencuri maklumat pelanggan sebelum mengeluarkan wang mereka.